



SEPULUH mangsa membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kluang, Johor.

Oleh Mohamad Fahd  
Rahmat  
am@hmetro.com.my

Kluang

**S**epuluh individu termasuk seorang dari padanya adalah pesakit buah pinggang terpaksa melupakan hasrat menuaikan umrah selepas agensi pelancongan yang sepatutnya menguruskan urusan mereka 'ghaib' bersama wang RM92,490.

Mangsa membuat pembayaran itu melalui pindahan wang dalam talian kepada akaun agensi terbabit yang beralamat di Putrajaya.

Seorang daripada mangsa yang juga pesakit buah pinggang, Rosman Harun,

## SEPULUH KEMPUNAN TUNAI UMRAH

# Wang KWSP turut 'hangus'!

56, berkata, dia membayar RM24,170 bagi pakej umrah untuk tiga orang termasuk ibunya.

Katanya, wang berkenaan dikeluarkan daripada akaun Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang disimpan sejak 2017.

"Saya percaya dengan pakej umrah berkenaan kerana seorang daripada rakan sudah menuaikan

umrah melalui agensi terbabit pada 13 Februari 2022.

"Saya dapat urusan membabitkan agensi berkenaan tiada masalah. Kerana itu apabila diminta membuat bayaran, saya terus melakukannya membabitkan RM15,000 pada 27 Disember 2022 dan RM9,170 pada 7 Mac lalu," katanya ditemui, sema-

lam.

Kata Rosman, tarikh asal untuk penerbangan ke Arab Saudi ialah pada 15 Mei lalu namun diubah kepada 8 November.

"Namun, selepas itu, pertanyaan saya tidak pernah dijawab. Saya jadi semakin bimbang apabila ramai individu meluahkan perasan di laman sosial mendakwa diperdaya agensi

berkenaan.

"Pada masa sama, saya pergi ke pejabat agensi itu di Putrajaya sebelum mendapati puluhan individu turut mengalami masalah sama, malah pejabat terbabit juga sudah ditutup," katanya.

Sementara itu, pengurus kilandang, Mohd Hazwan Enkana Abdullah, 57, memaklumkan yang dia kecewa kerana tidak dapat menuaikan umrah dengan isterinya selepas menabung sedikit demi sedikit sejak tujuh tahun lalu.

"Saya kesal dengan sikap wakil agensi itu yang memaksa saya menyelesaikan

pembayaran penuh kononnya bagi mengelakkan berlaku perkara tidak diingini.

"Bagaimanapun, selepas membuat pembayaran, agensi terbabit menunda tarikh umrah sebelum akhirnya gagal dihubungi.

"Saya sudah menjelaskan bayaran RM19,850 melalui pindahan wang dalam talian ke akaun agensi terbabit pada 10 November 2021 dan 11 Mac 2023," katanya.

Mohd Hazwan menggesa pihak berkuasa menyiasat kes itu bagi mendapatkan keadilan untuk mangsa.

**“**  
**Saya dapat urusan membabitkan agensi berkenaan tiada masalah**  
**Rosman**